

R 8305 B A H
RAHIM - KEMBAR

MELAKA, 7 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERSETUJU SUPAYA MELAKA DIJADIKAN BANDARAYA KEMBAR DENGAN BANDAR HOORNE DI BELANDA PADA AKHIR TAHUN INI.

KETUA MENTERI, DATUK SERI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK, HARI INI BERKATA KERAJAAN NEGERI AKAN MENYEDIAKAN KERTAS KERJA MENGENAI PERKARA ITU UNTUK DIKEMUKAKAN KEPADA KABINET.

BUAT MASA INI, MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH BERKEMBAR DENGAN LISBON, PORTUGAL BERMULA 19 JAN, 1984 DAN KUALA LUMPUR PADA 15 APRIL LEPAS.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELANCARKAN PERKHIDMATAN SYARIKAT PENERBANGAN PELANGI (PELANGI AIR) KE MELAKA DI LAPANGAN TERBANG BATU BERENDAM, DATUK SERI ABDUL RAHIM BERKATA PERKEMBARAN DENGAN HOORNE AKAN MEMESATKAN LAGI SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI INI.

KETUA MENTERI JUGA BERKATA KERAJAAN NEGERI AKAN MENJEMPUT PRESIDEN SUHARTO MELAWAT DUA BUAH RUMAH TRADISIONAL INDONESIA IAITU JENIS +JOGLO MANGKURAT+ DAN +SULAWESI SELATAN+ DITAMAN MINI ASEAN, YANG SEDANG DALAM PEMBINAAN, APABILA BELIAU MELAWAT NEGARA INI AWAL TAHUN DEPAN. -- LAGI

1739MST 07 07 89

D768

R 8306 B A H
RAHIM - KEMBAR 2 MELAKA

TAMAN ITU, YANG BERTAMBAH \$4.3 JUTA, TERLETAK DI KAWASAN SELUAS LIMA HEKTAR DAN DIJANGKA SIAP PADA OKTOBER INI. IA MENEMPATKAN DUA BUAH RUMAH TRADISIONAL DARI SETIAP NEGARA ANGGOTA ASEAN, KECUALI BRUNEI DARUSSALAM, YANG MEMPUNYAI SEBUAH RUMAH.

MENGENAI PELANCARAN PELANGI AIR KE MELAKA, KETUA MENTERI BERKATA KERAJAAN NEGERI BERCADANG MEMBELI SEBAHAGIAN SAHAM PELANGI AIR DAN RUNDINGAN MENGENAINYA AKAN DIJALANKAN TIDAK LAMA LAGI.

PENGERUSI PELANGI AIR, TAN SRI ABDUL AZIZ ABDUL RAHMAN, BERKATA SYARIKAT ITU AKAN MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI PINTU MASUK PELANCONG SINGAPURA KE NEGARA INI.

BELIAU BERKATA PELANGI AIR JUGA BERCADANG MENGADAKAN PERKHIDMATAN KE PEKAN BARU, INDONESIA DAN USAHA KE ARAH ITU SEDANG DIJALANKAN DENGAN PIHAK BERKUASA REPUBLIK TERSEBUT.

DALAM PADA ITU, PELANGI AIR JUGA BERCADANG MENGADAKAN PERKHIDMATAN ANTARA MELAKA DAN PULAU PINANG, KATANYA, YANG JUGA PENGARAH URUSAN PENERBANGAN MALAYSIA (MAS). -- BERNAMA

1742MST 07 07 89